

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM SET 1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **lima** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.
4. Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan.
5. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1	20	
2	20	
3	20	
4	20	
5	20	
Jumlah	100	

Kertas soalan ini mengandungi **4** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Jawab **semua** soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah ali - Imran : Ayat 137 - 139)

Ayat di atas menjelaskan tentang *sunnatullah*.

Berdasarkan ayat di atas,

- Nyatakan maksud *sunnatullah*. [2 markah]
- Jelaskan **dua** kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu. [2 markah]

"Masyarakat hari ini gagal mencontohi umat yang berjaya".

- Kemukakan hujah anda menyokong pernyataan tersebut. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ:
كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنَّ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.
(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan tentang setiap orang bertanggungjawab terhadap kepimpinannya.

- Nyatakan maksud kalimah yang bergaris di atas. [2 markah]
- Jelaskan **dua** tanggungjawab isteri terhadap keluarga. [4 markah]

"Jangan jadikan alasan kesibukan mencari rezeki untuk abai penjagaan anak".-Nancy

Sumber : Bernama, 29 November 2024

- Berdasarkan petikan akhbar di atas, huraikan langkah berkesan berkenaan isu tersebut. [4 markah]

(c) Terangkan mana-mana satu cara bacaan *Mad Lazim Kalimi*. [2 markah]

- 2 (a) Allah SWT mempunyai banyak nama-nama yang indah antaranya *al-Syahid*. [2 markah]
 i. Nyatakan maksud *al-Syahid*. [4 markah]
 ii. Jelaskan **dua** bukti Allah bersifat *al-Syahid*.

“Masih terdapat anggota masyarakat melakukan dosa dan maksiat sedangkan mereka mengetahui Allah SWT maha menyaksikan.”

- iii. Kemukakan hujah anda berkenaan situasi dalam pernyataan di atas. [4 markah]

- (b) Setiap muslim wajib memelihara imannya daripada terbatal. [2 markah]
 i. Nyatakan maksud iman terbatal melalui perkataan. [2 markah]
 ii. Jelaskan kesan melakukan perkara yang membatalkan iman.

Masyarakat Malaysia ialah masyarakat berbilang kaum, agama dan kepercayaan.

Berdasarkan pernyataan di atas,

- iii. Bagaimanakah anda memelihara iman dalam situasi ini. [2 markah]
 iv. Kemukakan hujah anda sekiranya masyarakat tidak cakna kepada pernyataan ini. [4 markah]

- 3 (a) Ibadah haji merupakan rukun Islam kelima yang wajib ditunaikan bagi mereka yang mampu. [2 markah]
 (i) Nyatakan maksud haji *Tamattuk*. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** kaifiat melaksanakan haji *Tamattuk*.



[Sumber: Berita Harian 9 Ogos 2020]

- (iii) Huraikan implikasi isu di atas kepada mereka yang ingin menunaikan umrah. [4 markah]

- (b) Wali adalah salah satu daripada rukun nikah. [2 markah]
 (i) Nyatakan maksud wali. [2 markah]
 (ii) Jelaskan sebab perpindahan wali nasab kepada wali hakim.

- (c) *Talak* dibenarkan dalam Islam. [2 markah]
 (i) Nyatakan maksud *talak*. [2 markah]
 (ii) Jelaskan contoh lafaz *talak*.

Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

“Perkara halal yang paling dimurkai Allah SWT adalah talak.”

[Riwayat Abu Daud (2178) dan Ibn Majah (2018)]

- (iii) Berdasarkan hadis di atas, huraikan hujah anda. [4 markah]

- 4 (a) Khalifah *Umar al-Khattab* merupakan khalifah kedua dalam pemerintahan *Khulafa' al-Rasyidin*.
- Senaraikan **dua** ciri kepimpinan beliau. [2 markah]
 - Jelaskan **dua** pencapaian beliau semasa pemerintahannya. [4 markah]
- “Usaha mengumpul, menulis, menyusun dan membukukan Al-Quran giat dijalankan pada zaman pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin membuktikan keunggulan kepimpinan dalam bidang agama dan pendidikan.*”**
- Berikan pendapat anda, sekiranya perkara di atas tidak dilaksanakan. [4 markah]
- (b) Pencapaian *Salahuddin al-Ayubi* melakarkan kebanggaan dalam sejarah kegemilangan Islam.
- Nyatakan riwayat hidup beliau. [2 markah]
 - Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam sejarah tamadun Islam. [4 markah]
 - Terangkan **dua** iktibar daripada keunggulan tokoh. [4 markah]
- 5 (a) Menjaga orang sakit adalah amal kebaikan yang sangat dituntut dalam Islam.
- Senaraikan **dua** aspek adab terhadap orang sakit. [2 markah]
 - Terangkan **dua** hikmah beradab terhadap orang sakit. [4 markah]
- Abu Musa al-Asy'ari r.a* meriwayatkan bahawa rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

“Ziarahilah orang yang sakit, berikan makanan kepada orang yang lapar dan bebaskanlah tawanan.”
- Sebagai seorang anak, bagaimana anda mengaplikasikan tuntutan tersebut. [4 markah]
- (b) Menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab semua lapisan masyarakat.
- Nyatakan maksud alam sekitar. [2 markah]
 - Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. [4 markah]



Sumber : Berita Harian Ogos 24,2023

- Berdasarkan gambar di atas, pemimpin berperanan dalam menangani isu tersebut. Huraikan hujah anda. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT